

MASA DEPAN TERTENTU BAGI ISLAM

“Syed Qutb” penulis makalah ini adalah salah seorang penulis Islam yang terbesar di Mesir bahkan di alam Islami pada hari ini. Tulisannya yang sangat-sangat berharga yang menggambarkan Islam akan mengalami zaman yang cemerlang adalah dipeturunkan di sini dengan lengkapnya.

(dimelayukan oleh Jāfar al-Bār)

Komunisme pada hari ini sedang merebak meliputi Eropah dan akan merebak meliputi Amerika pula pada masa yang tidak jauh ke hadapan. Tetapi merebaknya komunisme itu bukanlah kerana perolehan dan kebolehan kebendaannya lebih besar, bukan kerana tenaga pengeluaran lebih hebat, dan bukan pula kerana kemajuannya tentang ilmu pengetahuan lebih pasti lagi..... tidak, bukan kerana salah satu daripada tiga sebab-sebab itu, atau kesemuanya sekali, tetapi ialah kerana komunisme itu nampaknya sanggup memberikan kepada orang-orang barat suatu faham berkenaan hidup dan suatu tujuan baginya, yang tidak dapat diberi seumpamanya oleh tamadun Barat. Komunisme itu pada kulit luar atau zahirnya adalah suatu faham progresif berbanding dengan tamadun Barat yang kebendaan, yakni faham itu ada membuka peluang bagi lanjutan hidup untuk sementara waktu. Padahal falsafah tamadun Barat tiada terdaya memberikan lanjutan itu, bahkan hidup yang di bawah lindungan falsafah tersebut tiada peluang hendak maju dan bersemarak.

Tetapi komunisme itu bagaimana yang kita telah kerap kali katakan adalah hanya merupakan suatu faham yang boleh selesai dan hasil segala maksud tujuannya dalam masa yang singkat jua, dan kemudain itu ia akan lemah sendiri dan tak sanggup lagi tetap dengan berlanjutan masanya. Bahkan hidup di bawah lindungannya

akan menjadi beku walaupun di kawasan Burma yang menganut faham-faham kebendaan berkenaan dengan hidup, apalagi di kawasan-kawasan lain yang biasa dinaungi oleh tamadun rohani dan mempunyai pula faham berkenaan dengan hidup yang lebih besar lagi lebih meliputi dari faham komunisme dan lebih liat liut serta luas lapang untuk menerima lanjutan dan perubahan daripada faham komunisme yang berdasarkan kebendaan semata-mata dan hanya mempunyai tujuan-tujuan yang berhad, yang tiada sanggup melayan segala tuntutan dan kemahuan manusia pada masa hadapan.

Sesungguhnya komunisme hari ini adalah sedang menunaikan peranan yang penting dalam alam tamadun barat yang berdasar kebendaan. peranan yang ditunaikan oleh komunisme itu ialah menelan saki-baki faham-faham kebendaan yang Eropah telah hidup di dalamnya semenjak zaman Rom tua sehinggalah Eropah sekarang menjadi mandul tiada sanggup lagi memberanakkan sesuatu yang baharu! Komunisme sekarang sedang menelan saki baki faham-faham yang tersebut itu dan sedang membawanya kepada kemudahannya yang tabi'i dan tetap lagi tentu. Komunisme itu yang sebenarnya ialah langkah yang akhir dan penghabisan di dalam perjalanan tamadun kebendaan.

Tamadun kebendaan itu sendiri mengaku bahawa komunisme itu adalah bahagian yang akhir sekali dari aliran teori “kebendaan yang dipertengkarkan” (*al-mādiyah*

al-jadaliyah). Kesimpulan makna ‘teori “al-mādhiah al-jadaliyah’ itu ialah bahawa tiap-tiap suatu peraturan yang mengandungi di dalamnya perkara-perkara yang berlawan-lawanan maka tak dapat tiada perkara itu akan membinasakan peraturan tersebut dan mewujudkan pula suatu peraturan lain yang baharu kerana kemenangan satu daripada perkara-perkara yang berlawan-lawanan di dalam peraturan yang mulanya tadi. Akan peraturan yang baharu ini pula akan ada lagi di dalamnya perkara-perkara yang berlawan-lawanan, yang akan membawa kebinasaannya, dan demikianlah seterusnya hingga sampailah kepada komunisme. Dengan kenyataan ini jelaslah bahawa komunisme itulah yang menjadi perhentian yang penghabisan.

Sebenarnya kita pun berasa patut mempercayai dan menerima teori yang tersebut itu. Kalaulah tidak kita ini telah mempercayai bahawa hidup itu sentiasa bertukar dan berubah, silih berganti, dan tidak dapat ia berhenti pada had yang dikehendaki oleh orang-orang komunis ia berhenti di situ! Oleh sebab itu kita menaruh keyakinan bahawa manusia itu adalah perlu kepada suatu faham yang dengannya ia akan dapat melanjutkan hayatnya. Kerana manusia itu tidak akan sempurna hidupnya dengan tak ada suatu faham yang dianutnya sambil berjihad kerana menghasilkan tujuan-tujuannya.

Sesungguhnya bahawa adalah harus kebendaan yang kancang yang telah menerbitkan komunisme dalam tamadun Barat itu telah diperanakkan oleh kesan balas dari kebekuan agama Kristian yang digambarkan oleh gereja-gereja pada kurun pertengahan itu. Demikian juga harus ilmu pengetahuan yang kancang, yang telah menyebabkannya menentang agama adalah telah disebabkan oleh kesan balas dari sikap gereja terhadap kepada alim ulama. Dengan ini teranglah bahawa timbulnya komunisme dan bangkitnya penentangan ulama atas agama bukanlah sebabnya kerana dua kesudahan itu menjadi undang-undang hidup!

Setelah arus itu sampai ke kemuncaknya – iaitu komunisme – maka tak syak lagi bahawa manusia setelah menempuh segala arus dan gelombang itu akan mencari jalan berbalik semula kepada kesederhanaan dan perseimbangan yang tiada akan didapatnya di dalam kerohanian Kristian yang ideal atau kebendaan komunisme yang beku. Kesederhanaan dan perseimbangan itu hanyalah boleh didapati di dalam faham pertengahan berkenaan dengan hidup, iaitu faham yang dapat merangkum kerohanian yang suci bersih lagi benar dan dapat merangkum kebendaan yang sederhana sambil membentuk daripada keduanya akidah untuk batin. Peraturan untuk hidup dan cita-cita. Untuk manusia seluruhnya, iaitu cita-cita yang akan sentiasa mendorongnya meningkat naik ke ufuk yang tinggi.

Adapun faham tunggal yang pernah dikenal oleh manusia mempunyai sifat-sifat yang kita sebutkan di atas itu ialah faham Islamisme berkenaan dengan alam wujud, hidup dan manusia.

Sepatutnya Eropah telah dapat mengecap lezat buah faham Islam itu dari dahulu lagi, kalaulah tidak ia berdiri menentang agama itu pada zaman mulanya ia menjalar kesana hingga ke selatan negeri Perancis. Eropah tiada hanya menentang Islam, malahan disebabkan dek taksubnya dan fanatiknya telah menghalaunya keluar dari Spain dengan cara yang paling kejam dan buruk.

Harus yang pengusiran tersebut telah berlaku dengan sebab sesuatu perkara yang Tuhan meredakan, iaitu boleh jadi pada zaman itu bukan semua manusia telah mempunyai persediaan untuk menerima cahaya Islam dan menggunakannya pada zaman mula memancarnya itu. Sebahagian daripada manusia pada ketika itu masih amat berhajat kepada pengalaman-pengalaman yang banyak dan terus menerus, dan amat perlu kepada kesan balas yang kuat bagi dihempapkannya ke atas alam kebendaan. Mudah-mudahan dengan jalan ini manusia itu akan dapat

menerbitkan keindahan dengan seluas-luasnya, dan dapatlah ia mencapai dengan pengalaman-pengalaman rohaninya, kemajuan akalinya dan ketinggian ilmunya akan persediaan yang cukup untuk menerima cahaya Islam pada suatu masa yang lain pula, yakni masa yang di dalamnya ia telah sampai kepada lapangan kebendaan yang sunyi lengang di dalam tamadun kebendaan.

Dengan jalan ini mudah-mudahan manusia itu akan berlari pula merebahkan dirinya – untuk sementara- di atas ribaan komunisme sampai ia merasa lebih-lebih sunyi dan lengang lagi dan merasa lebih-lebih dahaga dan ingin kepada kesederhanaan, setelah ia dilambung-lambungkan dengan dahsyatnya oleh kerohanian yang melampau dan kebendaan yang maharajalela dan setelah ia lama tergantung di antara langit dan bumi!

Bagaimanapun kita tiada menaruh walau sedikit syak jua pun bahawa pimpinan manusia lambat launnya akan terserah balik ke tangan Islam, hatta walau pun ada yang menganggap Islam itu tak ada, maka manusia akan mencarinya atau membentuk suatu peraturan yang serupa dengannya, lepas reda ombak gelombang kebendaan dan kerohanian yang disebutkan di atas tadi, iaitu dua gelombang yang berlawan-lawanan dan satu daripadanya adalah sebagai kesan dan riak daripada yang satu lagi, yakni gelombang kerohanian yang melampau itu telah menerbitkan gelombang kebendaan yang akhirnya menjelma dalam rupa komunisme yang maharajalela itu.

Sekarang gelombang kebendaan yang kencang itu telah sampai ke kemuncaknya atau hampir sampai kepadanya. Apabila komunisme itu telah meliputi semua kawasan yang dikelubungi oleh tamadun barat, maka yang demikian bererti bahawa gelombang kebendaan telah sampai kepada hadnya yang akhir, dan pada ketika itu manusia dengan sendirinya dan dengan dorongan tabiatnya yang semulajadi akan mencari bekal baharu yang boleh menyelamatkan daripada kebuluran rohani, yakni tiada sanggup hidup lama dengan tiada mempunyai bekal itu.

Daripada keterangan-keterangan yang di atas itu nyatalah kepada kita orang-orang Islam betapa berat dan besarnya kewajipan yang sedang menunggu alim Islam untuk disempurnakannya. Ini suatu kewajipan atas alim Islam terhadap kepada manusia seluruhnya yang sedang dalam keadaan yang amat genting itu.

Manusia di barat sana, yang pada mulanya telah menutupkan pintunya di hadapan Islam pada masa ia datang ke sana, pada hari ini sangat-sangatlah ingin kepada orang yang akan menyelamatkannya daripada kebuluran rohani dan menghulurkan bekal untuk keperluan batinnya. Manusia di barat, pada masa ini lebih lengkap persediaannya untuk memahamkan faham Islam, daripada persediaannya dahulu tatkala ia menutup pintu di hadapan Islam. Maka sekarang adalah menjadi kewajipan alim Islam membekalkan Eropah dengan makanan yang dikehendaknya itu sambil mensajikannya dalam rupa yang sesuai dengan pengalaman yang telah dialaminya selama 14 kurun itu.

Ini adalah suatu tanggungan berat, yang berkehendak kepada persediaan dari sekarang. Oleh kerana tabi'i manusia itu hanya suka melihatkan suatu dasar itu dari celah kenyataan *fact*, dan hanya memandang kepada akidah pada rupa amal perbuatan serta hanya menentukan baik buruk sesuatu faham dengan menilik kepada kesan-kesannya yang zahir dan peraturan dan susunan yang boleh diwujudkankannya, maka dari itu manusia apakala ia menanti-nanti fajar baharu akan menyinsing untuk menerangi gelap gelita kebendaan maka ia akan mencari cahaya fajar itu pada masyarakat yang penuh kemanusiaan bukan pada teori-teori yang indah gemilang.

Di sini teranglah apa dia kewajipan yang telah ditanggungkan oleh Allah ke atas kita, iaitu kewajipan yang menghendaki supaya diberi kita sendiri menjadi tafsiran yang hidup bagi akidah dan faham kita dan supaya susunan masyarakat kita menjadi tafsiran yang berupa amal (praktikal) bagi akidah dan faham tersebut. Dengan cara yang begini maka mudah-mudahan manusia yang sedang bingung dan terapung-apung.

Itu akan ternampakkan mata air baharu yang ia mencarinya itu.

Dengan keterangan-keterangan di atas itu nyatalah betapa besarnya kesalahan dan jenayah yang dilakukan oleh setengah-setengah orang barat dan timur tatkala mereka mencuba hendak memalingkan kata orang Islam daripada mata air kita yang asal supaya kita berkecimpung dalam lumpur kebendaan yang sudah hampir kepada penyudahnya.

Mereka itu bukan hanya menyakiti kita sahaja, malahan mereka mencuba hendak menyekat manusia seluruhnya daripada mata air yang tunggal itu, yang hanya itulah sahaja yang ada baki lagi untuk mereka pergi kepadanya tatkala dahaga mereka sampai kepada hadnya yang akhir, dan tak tertahan lagi, serta tatkala mereka meraba-raba mencari silihan cahaya dalam gelap gelita yang bersangatan.

Dalam usaha mereka menyekat kita daripada rujuk kepada mata air itu, mereka itu berdalih dan menghujah kita dengan mengatakan bahawa kebendaan itulah yang telah membina tamadun dan perusahaan-perusahaan besar yang ada sekarang.... seolah-olah kita ini sebaik-baik sahaja berbalik kepada iman dan kepercayaan. Teruslah kita membinasakan kilang-kilang perusahaan, meninggalkan bandar-bandar dan gedung-gedung yang besar pergi ke dusun-dusun dan gua serta balik semula menunggang unta dan gajah! Pendapat seumpama ini sangatlah menggelikan hati. Kalaulah tidak ia bercampur pada ghalibnya dengan niat hajat dan busuk hati.

Sebenarnya Islam itu adalah pemberontakan untuk kebebasan. Islam itulah yang menjadi suatu *revolution* yang telah membebaskan fikiran sebagaimana telah membebaskan batin manusia. *Revolution* itu telah membebaskan fikiran daripada karut marut dan mengarahkannya kepada kemakmuran hidup di dunia. Pemberontakan itu telah mengajarkan supaya manusia jangan takut dan gentarkan kejadian-kejadian alam (*nature*) malahan sebaliknya telah mengikatkan persahabatan di antara manusia dengannya. Pemberontakan itu telah menggambarkan

kejadian-kejadian alam sebagai kawan yang boleh menolong, bukan musuh yang melawan.

Pemberontakan itu telah membebaskan jiwa daripada kerendahan dan melepaskannya terbang melayang di angkasa tinggi. Oleh sebab itulah, maka hidup manusia di bawah naungan Islam telah banyak kembang dengan deras, dan daripada hidup yang bersemarak inilah Eropah dalam masa kejakunannya telah mengambil dan memetik ilmu pengetahuan yang di atasnya ia membina tamadun sekarang.

Adapun kelebihan yang ada di dalam Islam ialah terletak pada usahanya mengait atau memautkan dan mengikatkan hidup di dunia ini dengan hidup rohani yang suci murni di akhirat kelak. Tujuan Islam berbuat demikian ialah supaya hidup manusia di dunia ini tiada melurut jatuh ke lembah kebendaan lalu menjadi kering kontang dan kosong daripada rohani sebagaimana yang tamadun orang-orang yang berkulit putih sekarang telah sampai kepadanya padahal tamadunnya dan perusahaannya itu telah memuncak tinggi setinggi-tingginya.

Dalam zaman permulaannya Islam telah membuka beberapa banyak negeri, tetapi bukanlah dengan kekuatan senjata atau dengan kekuatan tenaga iktisad, malahan dengan kekuatan pemberontakan kebebasan yang Islam membawa panji-panjinya.

Adapun tafsiran yang sebenarnya lagi tabi'i bagi kemaraan Islam yang deras itu ialah terletak pada kepercayaan yang dibawanya dan pada peraturan-peraturan yang terbit dari kepercayaan itu. Dan juga kerana kepercayaan itu adalah merupakan sahutan kepada panggilan tabiat semulajadi manusia. Kemaraan Islam yang deras itu bolehlah difahamkan dari pembawaan yang progresif, yang mendatangkan kepada manusia seluruhnya segala hajat keperluannya tentang kemajuan yang tidak putus-putus dalam hidup sehari-hari.

Banyak orang dan panglima-panglima bahkan bangsa-bangsa telah masuk ke dalam Islam dengan suka hati, kerana mereka itu

telah dapat melihat keadilan dan kesaksaan Islam di negeri-negeri yang berjiran dengan negeri mereka, dan juga kerana mereka telah melihat kebebasan rohani dan masyarakat yang ada terkandung di dalam ajaran-ajaran Islam.

Sir T.W. Arnold, di dalam bukunya yang bernama “*Seruan kepada Islam*” telah berkata:-

“Apabila tentera Islam telah sampai ke Lembah Arden, dan Abū ‘Ubaidah (pemimpin tentera itu. P) menempatkan askarnya di Pahl, maka orang-orang Nasrani di tempat itu telah menulis kepadanya mengatakan begini: Wahai orang-orang Islam! Kamu adalah kami lebih kasihi daripada orang-orang Rom sekalipun mereka seagama dengan kami. Kamu lebih setia kepada kami dan kamu lebih menaruh belas kasihan atas kami serta kamu lebih adil terhadap kami dan cara pemerintahan kamu bagi kami. Tetapi apa daya kami yang telah ditewaskan oleh orang-orang Rom itu.”

Bahawa sebenarnya bukanlah hanya keadilan dan kebebasan sahaja yang telah mendorong orang-orang itu masuk ke dalam agama baharu itu. Malahan ialah kerana agama itu membawa suatu fikiran baharu yang terang lagi mudah, iaitu iman billah. Pendek kata adalah manusia pada zaman itu telah menaruh kepercayaan atas agama Islam dan peraturan-peraturannya dan telah pun putus harap daripada mendapat sebarang kebaikan daripada peraturan-peraturan yang sedia ada itu. Kebenaran ini telah diterangkan oleh J.H Denison di dalam bukunya: *Emotion as the Basis of Civilisation* (perasaan sebagai asas tamadun), katanya:

“Di dalam kurun kelima dan keenam, alam sedang di pinggir jurang keluh kesah dan huru hara, kerana kepercayaan-kepercayaan yang biasanya menjadi pendorong pada menegakkan tamadun telah runtuh. Pada masa itu tak ada suatu pun yang boleh mengambil tempat kepercayaan-kepercayaan itu untuk membangunkan tamadun. Pada masa itu telah zahir bahawa tamadun dunia yang telah didirikan dengan tenaga yang cukup dalam masa empat ribu tahun sedang berkecai dan mara menuju kebinasaan. Manusia pada

zaman itu hampir-hampir rujuk semula kepada kejahunan dan kebinatangan. Suku-suku dan kabilah-kabilah berperang sesama sendiri dan berbunuh-bunuhan. Tidak ada suatu undang-undang ataupun susunan masyarakat. Berkenaan dengan peraturan-peraturan yang dibuat oleh agama Kristian, maka sebalik daripada menyatukan orang, ia memecah belahkan. Tamadun pada ketika itu adalah merupakan seponon kayu besar yang rendang, yang di bawahnya berteduh alam seluruhnya. Tetapi keadaannya terhuyung hayang hendak tumbang. Kerana ulat telah memakannya hingga ke akar umbinya”.

Demikian penjelasan tuan Denison itu dan kita pada ini hampir-hampir sama keadaan kita dengan keadaan yang disebutkan pada kurun kelima dan keenam itu.

Kiranya agama Kristian dari zaman itu lagi telah sudah dan habis kerjanya, maka pada hari ini tentu ia lebih lemah lagi dan tak sanggup menjadi faktor (*factor*) di dalam hidup manusia untuk membina tamadun. Kalau begitu adanya, maka tak ada yang lain lagi melainkan Islam jua. Sebagaimana Islam pada kurun kelima dan keenam itu telah bangun menunaikan kerja dan tanggungannya maka sekarang telah dirasa sampai pula gilirannya untuk bekerja semula dan untuk menyambut orang-orang yang lari mencampakkan diri ke atasnya, kerana hendak mengelak daripada perasaan hampa yang bersangatan yang diperolehnya daripada tamadun Barat.

Kalau keburukan dan kerosakan kepercayaan dan susunan masyarakat pada kurun keenam itu telah menyebabkan orang-orang masuk berduyun-duyun ke dalam agama Allah maka kekosongan dan kering kontangnya tamadun kebendaan sekarang serta kelemahannya tentang memberikan kepada manusia suatu cita-cita tinggi yang ia akan hidup kerananya, akan mendorong manusia sekali lagi masuk Islam, apabila mereka mendapatinya telah dapat dirupakan dalam suatu susunan hidup, dan suatu susunan masyarakat serta telah menjadi keadaan nyata (*fact*) dalam kehidupan sehari-hari.

Inilah kewajipan kita umat Islam dalam zaman ini dan dalam zaman yang akan datang iaitu hendaklah kita tunjukkan

Islam itu bukan tentang teorinya tetapi praktiknya.

Pada pandangan saya bahawa lanjutan yang jauh sekali bagi komunisme tiadalah melangkah kurun yang kita hidup di dalamnya sekarang dan permulaan kurun yang berikut. Itupun kalau keadaan dunia terus menerus berjalan seperti keadaan sekarang. Pada pendapat saya bahawa tak sempat habis kurun kedua puluh ini, melainkan komunisme telah merebak meliputi dunia yang diselubungi oleh tamadun kebendaan.

Pada ketika itu tamatlah perjuangan di antara komunisme dengan kapitalisme, yang kedua-duanya merupakan dua langkah dalam pendapat kebendaan. Yang sebenarnya kedua-dua faham itu bukanlah berlain-lainan dan berlawan-lawanan, sebagaimana yang masing-masing itu mendakwa dalam dakyah-dakyahnya. Setelah kedua-dua faham kebendaan itu bercantum menjadi satu maka pada ketika itu akan mulalah perjuangan yang hakiki di antara dua

faham, iaitu faham kemanusiaan yang diwakili oleh Islam dan faham kebendaan yang sudah tua ganyut yang diwakili oleh komunisme. Kita tiada menaruh sedikit syak pun bahawa kesudahan perjuangan itu adalah bagi Islam, kerana Islam itu adala suatu faham yang membenarkan hidup itu bersemarak sepanjang masa dan tiada menyekat kemajuan manusia. Dan juga kerana Islam itu adalah merupakan suatu peraturan yang memberi kebebasan bekerja bagi segala tenaga manusia,. Hanya Islamlah sahaja yang sanggup memberikan bekal yang sesuai bagi menghadap sebarang kemahuan dan hajat manusia secara kemanusiaan, iaitu sama ada hajat itu berupa kebendaan ataupun rohani.

Faham yang benar jualah yang akan menang dan peraturan yang meliputi dan lengkap itulah sahaja yang akan dapat hidup kekal abadi adanya.



Bandung – Bandung telah mendapat gelaran Paris Indonesia. Bandung ialah sebuah bandar yang ternama di Jawa letaknya di tanah Priangan yang berpenduduk dengan penduduk-penduduk yang lemah lembut gaya dan bahasanya. Udara sejuknya sederhana. Tiap-tiap persidangan yang besar-besar yang diadakan di pulau Jawa maka tempatnya kerap kali di Bandung. Sesiapa yang pergi ke Jawa tidak melawat ke Bandung maka seolah-olahnya tidak sempurna lawatannya. Gambar menunjukkan kota Bandung dipandang dari udara. – gambar Priangan Studio.